

Penularan COVID-19

Pertimbang buka semula masjid

Benarkan solat Jumaat dengan syarat, SOP tertentu bersesuaian pelaksanaan PKPB

Kuala Lumpur: Kerajaan wajar mempertimbangkan kebenaran membuka semula masjid untuk solat Jumaat yang dilarang selama lapan minggu, termasuk minggu ini akibat penularan wabak COVID-19.

Pembukaan semula masjid untuk solat Jumaat dengan syarat tertentu disifatkan bersesuaian kerana negara kini dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Malah, umat Islam setempat boleh digilirkan peluang mengikut minggu bagi menunaikan solat Jumaat di masjid atau surau yang dibenarkan mengendali solat itu, berdekatan kediaman masing-masing.

Pensyarah Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Kemanusiaan Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Dr Muhammad Ayman Al-Akiti, mengakui langkah kerajaan menutup masjid bagi membendung penularan COVID-19 adalah tindakan tepat.

Namun, katanya, ketika kes COVID-19 kini beransur kurang, kerajaan wajar memikirkan alternatif bagi memastikan syiar Islam dan fardu ain itu dapat dilaksanakan kembali.

Beliau memetik Syaikh Ahmad Khatib Minangkabau (w. 1334 H) yang menjelaskan bahawa termasuk Maqashid Syariah dalam solat Jumaat adalah menegakkan syiar Islam.

“Jadi antara alternatif boleh dilakukan ialah membenarkan hanya 12 orang saja yang hadir untuk solat Jumaat iaitu terdiri daripada khatib, imam, bilal, jemaah yang juga petugas rasmi masjid saja melaksanakannya, merujuk kepada kepada qaul qadim Imam al-Syafi'i RA (w. 204 H) yang mengizinkan jumlah minimum solat Jumaat adalah 12 orang lelaki seperti dinukilkan oleh Imam al-Suyuthi (w. 911 H). Ulama yang mendukung pendapat ini termasuk Syaikh Syed Abu Bakar Syahta (w. 1310 H).

“Kita perlu memahami keadaan sekarang dan alternatif jumlah jemaah itu sangat bertepatan dengan perintah disarankan pihak berkuasa.

“Ini berikutan, kita bimbang jika dibenarkan lebih daripada sepatutnya, kita tidak pasti siapa menjadi pembawa virus itu dan keadaan mungkin tidak terkawal, jadi seelok-eloknya ditetapkan jumlah yang dinyatakan itu dan ditentukan siapa sahaja yang mendirikan Jumaat,” katanya ketika dihubungi semalam.

Muhammad Ayman berkata, khutbah Jumaat juga boleh dipendekkan kepada lima hingga 10 minit saja, namun yang penting mematuhi syarat dan hukum khutbah, selain disiarkan secara langsung menerusi laman media rasmi agar mesej dapat disampaikan kepada masyarakat.

“Jika dibenarkan, jemaah tetap perlu menjaga tatacara prosedur operasi standard (SOP) kesihatan seperti penjarakan, kebersihan dan tiada amalan bersalaman sesama mereka,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Ikatan Ilmuan Ahli Sunnah Wal Jamaah Malaysia ISLAMIA, Syed Shahridzan Syed Mohamed, berkata sewajarnya pihak berkuasa mempertimbangkan membenarkan masjid beroperasi dan solat Jumaat dilakukan dalam tempoh PKPB memandangkan



Kita perlu memahami keadaan sekarang dan alternatif jumlah jemaah itu sangat bertepatan dengan perintah disarankan pihak berkuasa.

Dr Muhammad Ayman Al-Akiti, Pensyarah Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Kemanusiaan Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama UIAM



Semua masjid ditutup selama lapan minggu lalu akibat penularan wabak COVID-19.

kan syarat pergerakan tidak seketat dulu.

Katanya, namun begitu, ia perlu mengikut SOP daripada KKM supaya rantaian virus ini tidak berulang kembali dan umat Islam tidak terjangkit dengan COVID-19 ini.

“Apa yang perlu ditekankan sebelum dilaksanakan ialah setiap masjid yang dibuka perlu menjalani proses nyah kuman dan jumlah jemaah dihad mengikut keluasan masjid berkenaan.

“Solat Jumaat di masjid mungkin tidaklah semeriah dahulu apabila jumlah jemaah terpaksa dikawal tetapi dalam erti kata lain peluang untuk solat Jumaat boleh diteruskan.

“Tidak sewajarnya, jika pusat beli-belah boleh dibuka dengan SOP tertentu, masjid juga perlu diberi kebenaran sama,” katanya. Beliau menjelaskan, mengikut hakikat jemaah memang dituntut menjaga saf, tetapi dalam hukum feqah, jika tidak rapat sekali pun solat tetap sah, tetapi pahala atau fadilat saf hilang atau luput.

“Namun menurut ulama Ma-

zhab Shafie, jika saf tidak dapat disempurnakan disebabkan keuzuran, maka di sini tidak terjatuh hukum makruh atau mengurangkan pahalanya.

“Selain itu, dalam keadaan ini juga, apabila masjid dibuka dan solat Jumaat boleh diteruskan, umat Islam boleh melaksanakan solat Jumaat secara bergilir-gilir dan berjemaah di surau Jumaat tempat masing-masing.

“Maksudnya, umat Islam dibolehkan menunaikan solat Jumaat secara berselang seli setiap minggu, supaya risiko dapat dikurangkan dan jemaah yang berbeza berpeluang menunainya mengikut had jemaah yang ditetapkan,” katanya.

Beliau berkata, pihak berkuasa negeri boleh menentukan sama ada masjid boleh dibuka untuk berjemaah atau tidak, memandangkan ia berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri masing-masing, bukannya Persekutuan.

“Jadi, pihak berkuasa boleh menilai, sama ada masjid patut dibuka atau tidak, bergantung kepada kedudukan terkini penularan COVID-19 di negeri berkenaan,” katanya.

Ketika ini, lima negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan sudah menjadi zon hijau susulan tiada kes baharu jangkitan, manakala semua pesakit COVID-19 di negeri itu sudah pulih sepenuhnya.

Sebanyak 112 daerah di seluruh negara ini berstatus Zon Hijau, 79 lagi Zon Kuning, manakala 10 masih menjadi Zon Merah jangkitan.

Negeri yang mempunyai daerah Zon Merah dengan kes aktif jangkitan melebihi 41 kes ialah Kuching dan Kota Samarahan di Sarawak, Selangor (Petaling, Hulu Langat dan Gombak), Kuala Lumpur (Batu, Ibu Kota, Kampung Bharu dan Sri Petaling) dan Johor (Kluang).

MKI dijangka buat keputusan minggu ini

Kuala Lumpur: Muzakarah Kebangsaan Hal Ehwal Islam (MKI) hari ini, dijangka membuat keputusan berhubung kebenaran mendirikan semula solat Jumaat dan solat fardu serta tarawih berjemaah mulai minggu ini.

Muzakarah yang akan diadakan secara sidang video itu, akan disertai mufti negeri, pakar agama, pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Menteri dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Menjelaskan perkara itu, Tim-

balan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ahmad Marzuk Shaary, berkata muzakarah itu antara lain akan membincangkan secara teliti prosedur operasi standard (SOP) solat berjemaah yang selamat.

“Muzakarah itu akan meneliti, memperhalusi dan memperketatkan SOP solat berjemaah untuk memastikan tidak berlaku jangkitan COVID-19 dalam kalangan jemaah serta umat Islam.

“Saya tidak tahu bila kita akan dapat mendirikan semula solat Jumaat dan fardu serta tarawih

secara berjemaah. Insya-Allah kita doakan bersama,” katanya ketika dihubungi BH semalam.

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan pada 18 Mac lalu, umat Islam seluruh negara tidak dapat mendirikan tujuh siri solat Jumaat susulan penangguhan semua kegiatan ibadah di masjid serta surau bagi membendung penularan COVID-19.

SOP solat berjemaah sudah dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet kelmarin yang bersetuju ia dibincangkan dalam muzakarah hari ini untuk

dimuktamadkan.

Sebelum ini, penangguhan solat Jumaat dan fardu berjemaah di masjid serta surau, mendapat reaksi pelbagai umat Islam termasuk mempersoal mengapa masih diteruskan selepas kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), sejak Isnin lalu.

Ahmad Marzuk berkata, keputusan akhir membenarkan semula solat Jumaat dan solat fardu berjemaah didirikan di masjid dan surau tertakluk kepada perkenan Yang di-Pertuan Agong dan raja atau sultan setiap negeri.



Ahmad Marzuk Shaary

“Selepas mencapai kata putus, hasil muzakarah itu akan dibawa ke Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan dipersembahkan kepada Majlis Raja-raja untuk mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong,” katanya.